

## **Sime Darby Property Raih Keuntungan Terunggul pada TK2022**

- Syarikat merekodkan pencapaian jualan tertinggi sejak pengumuman pengasingannya pada 2017 sebanyak RM3.7 bilion, disokong oleh pelancaran baharu bernilai RM2.6 bilion dalam GDV;
- Pencatatan pendapatan sebanyak RM2.7 bilion dan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM458.9 juta pada TK2022;
- Syarikat mencatatkan prestasi pendapatan yang kukuh di suku keempat TK2022, yang didorong oleh peningkatan jualan dan kemajuan pembinaan daripada segmen Pembangunan Hartanah (*Property Development*);
- Mengisytiharkan dividen kedua keseluruhan berjumlah 2 sen untuk TK2022.

**ARA DAMANSARA, 28 FEBRUARI 2023** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mengakhiri tahun kewangan penuh berakhir 31 Disember 2022 (“TK2022”) dengan mencatatkan keuntungan operasi tertinggi sejak pengasingannya pada 2017 sebanyak RM487.8 juta dan pencapaian jualan sebanyak RM3.7 bilion yang telah melepasi sasaran jualan RM2.6 bilion. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) meningkat lebih dua kali ganda tahun-ke-tahun (“YoY”) kepada RM315.8 juta daripada RM146.9 juta pada tahun sebelumnya. Sime Darby Property turut mengisytiharkan jumlah dividen sebanyak 2 sen sesaham pada TK2022.

Pendapatan Syarikat sebanyak RM2.7 bilion menandakan peningkatan 24% YoY, dengan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) mencatatkan kenaikan 64% YoY kepada RM458.9 juta. Peningkatan ketara PBT didorong oleh pertumbuhan keuntungan bagi semua sektor perniagaan termasuk sumbangan daripada aktiviti pengewangan tanah (*land monetisation*) Syarikat serta pelupusan aset-aset bukan asas. Pencapaian kewangan Syarikat sebahagiannya dipengaruhi oleh kerugian nilai saksama (*fair value loss*) serta pelarasan pajakan (*lease adjustments*) bagi pelaburan hartanah berjumlah RM64.4 juta.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata, “Meskipun TK2022 amat mencabar, terutamanya disebabkan oleh persaingan yang semakin sengit di pasaran, keputusan yang telah kami capai ini membuktikan keupayaan dan daya usaha kami yang disokong oleh kepelbagaian rangkaian produk-produk yang inovatif. Kami sememangnya berada di pusat pergolakan industri terutamanya dengan cabaran berkaitan kekurangan tenaga

buruh dan harga bahan yang meningkat. Di sebalik cabaran ini, kami telah berjaya menyerahkan 1,855 unit produk kepada pelanggan kami sepanjang tahun.”

#### **Q4 TK2022 vs Q3 TK2022**

Semua segmen perniagaan Syarikat, iaitu Pembangunan Hartanah, Pelaburan & Pengurusan Aset (*Investment & Asset Management* atau “IAM”) dan *Leisure*, merekodkan keuntungan pada Q4 TK2022. Pendapatan meningkat sebanyak 38.8%, manakala PBT naik 44% suku-ke-suku (“QoQ”), selepas mengambil kira kerugian nilai saksama daripada hartanah pelaburan dan pelarasan pajakan berjumlah RM56.4 juta. Pencapaian jualan sebanyak RM917.3 juta pada Q4 TK2022 adalah 14% lebih tinggi daripada RM808.3 juta yang dicapai pada suku sebelumnya, dan didorong oleh peningkatan penjualan produk-produk perindustrian di lokasi-lokasi utama. Sektor tersebut mengatasi produk kediaman bertanah sebagai penyumbang utama dengan jualan RM379.4 juta dicapai.

#### **TK2022 vs TK2021**

TK2022 mencatat jumlah pendapatan dan keuntungan yang lebih tinggi, dengan segmen Pembangunan Hartanah menyumbang 93% kepada jumlah keseluruhan pendapatan Syarikat yang menandakan peningkatan PBT sebanyak 66% YoY. Kadar penghunian KL East Mall sebanyak 85.2% turut menyumbang kepada pendapatan segmen IAM berjumlah RM107.9 juta, dengan PBT sebanyak RM0.2 juta. Pencapaian ini disokong oleh peningkatan prestasi Melawati Mall yang juga mencatatkan jumlah pengunjung yang lebih tinggi dalam tempoh ini. Segmen Leisure kembali pulih ekoran pembukaan semula aktiviti-aktiviti perniagaan pada TK2022, sekaligus menjana peningkatan pendapatan 52.5% YoY sebanyak RM84.7 juta dan PBT sebanyak RM11.3 juta berbanding kerugian sebelum cukai pada tahun sebelumnya.

#### **Pelancaran dan Jualan Produk TK2022**

Syarikat melancarkan produk-produk bernilai RM2.6 bilion dalam Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value* atau “GDV”), di mana 46% terdiri daripada produk-produk perindustrian di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Bandar Serenia di Selangor; Bandar Hamilton Nilai dan Nilai Impian di Negeri Sembilan; serta Bandar Universiti Pagoh di Johor. Produk-produk perumahan bertanah mencapai kadar pengambilan purata yang ketara sebanyak 89% untuk tempoh yang sama, dengan Ilham 2 di Bandar Elmina; Anggun 2 di Bandar Ainsdale; Nadira 2 di Bandar Bukit Raja; Anira 1 di Bandar Serenia; dan East 57 di KL East mencatatkan kadar pengambilan sebanyak 100%.

Pencapaian jualan Syarikat meningkat 24% YoY kepada RM3.7 bilion berbanding RM3.0 bilion yang dicapai pada TK2021, yang disumbangkan oleh 54% daripada produk-produk pelancaran bukan baharu dan diikuti oleh 39% pelancaran baharu. Segmen perindustrian menunjukkan peningkatan yang ketara dengan sumbangan sebanyak 25% kepada jumlah jualan keseluruhan pada TK2022 berbanding 18% pada tahun sebelumnya, manakala jualan meningkat sebanyak 70% YoY kepada RM907.0 juta daripada RM532.5 juta. Tempahan semasa setakat 5 Februari 2023 adalah berjumlah RM1.8 bilion.

Pencapaian jualan yang kukuh disokong oleh tawaran produk-produk Syarikat yang unik di perbandarannya, yang dipasarkan menerusi kempen-kempen intensif seperti '*Beyond 50*' dan '*Raya Yang Dinantikan 2022*' yang masing-masing memperoleh jumlah tempahan jualan sebanyak RM1.25 bilion dan RM637 juta dalam GDV. Setakat 31 Disember 2022, jualan belum dibil Syarikat meningkat 50% YoY kepada RM3.6 bilion, serta paras inventori lengkap susut kepada RM351.8 juta dalam GDV. Sime Darby Property mencatatkan baki tunai sebanyak RM985.3 juta, dan mencapai aliran tunai positif sebanyak RM1 bilion. Kedudukan kewangan Syarikat yang kukuh dibuktikan oleh nisbah hutang bersih sebanyak 21.8%.

Di peringkat antarabangsa, projek Battersea Power Station mencapai jualan perumahan sebanyak £480 juta (~RM2.5 bilion) pada tahun 2022, dengan tambahan hartanah bernilai £1.1 billion (~RM5.7 bilion) juga dilengkapkan. TK2022 merupakan tahun yang amat penting bagi projek tersebut, dengan pembukaan rasmi Power Station yang bersenarai Gred II\* serta Electric Boulevard, yang sudah menerima lebih tiga juta pengunjung sejak 14 Oktober 2022.

"Sime Darby Property telah melepasi semua jangkaan kewangan dan operasi di TK2022, yang menunjukkan kebolehan Syarikat untuk berkembang di kala keadaan tidak menentu. Terima kasih kepada semua pihak berkepentingan dan pelanggan atas kepercayaan mereka yang tidak berbelah bahagi terhadap jenama kami, serta kepada *TEAM* Sime Darby Property kerana menunjukkan daya tahan dan semangat dalam mencapai tujuan kami untuk menggandakan nilai bagi rakyat, perniagaan, ekonomi dan planet," kata Dato' Azmir.

## **Dividen**

Disokong oleh kunci kira-kira Syarikat yang sihat, Sime Darby Property dijangka mengisytiharkan dividen tier tunggal kedua sebanyak 1 sen sesaham pada suku semasa. Ini membawa kepada jumlah sebanyak 2 sen sesaham pada TK2022 yang berjumlah RM136.0 juta.

## Prospek Untuk TK2023

Melihat kepada cabaran-cabaran industri yang berlanjutan seperti kekurangan tenaga buruh serta peningkatan harga bahan mentah, Syarikat akan melangkah pada tahun 2023 dengan matlamat yang lebih praktikal. Syarikat akan terus proaktif menjalankan aktiviti-aktiviti pengurusan bank tanah (*land bank*) dan kewangan dengan cadangan pengambilalihan tanah sehingga 948 ekar di Klang serta pelupusan tanah-tanah bukan asas. Sime Darby Property kekal komited untuk meneruskan agenda kemampanan menerusi visinya iaitu '*Advancing Real Estate as a Force for Collective Progress, in Harmony with the Planet's Resources*'. Syarikat juga akan terus memperkenalkan inisiatif-inisiatif baharu untuk mewujudkan pembangunan yang lebih mampan dan berdaya saing.

- TAMAT SIARAN -

## Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri hartanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju hartanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobatkan sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

**Kontak Media:** Sharmila Nair | +6012-617 7860 | sharmila.nair@simedarbyproperty.com

**Untuk pertanyaan lanjut, sila emel:** group.communications@simedarbyproperty.com